



commercedotcom

innovations in
public commerce

commerce dot com sdn bhd^(486495V)
ground floor, wisma commercedotcom,
15 jalan pandang, 46050 petaling jaya,
selangor darul ehsan, malaysia.

☎ 03 7985 7700 ☎ 03 7781 1428

www.commercedc.com.my

Bajet 2018: Peruntukan Besar IKS, Bakal Tingkatkan Prestasi Sistem ePerolehan Baharu

PETALING JAYA, 31 OKTOBER 2017—Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDC) sebagai penyedia sistem ePerolehan mengalu-alukan pengumuman Bajet 2018 yang holistik, inklusif, dan berdaya maju. Peruntukan yang besar kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang melebihi RM20 bilion akan menggalakkan pertumbuhan seluruh ekosistem perniagaan termasuklah Sistem ePerolehan.

Seiring dengan sasaran pembangunan PKS, CDC juga giat di dalam fasa akhir bagi pelancaran sistem ePerolehan Baharu menggantikan sistem sedia ada pada 1 Januari 2018. Antara spesifikasi rekaan sistem tersebut ialah membuka jalinan perniagaan kumpulan PKS dengan pihak Kerajaan Persekutuan menerusi pendaftaran Akaun Asas – transaksi pembekal yang tidak melebihi RM20,000 setahun.

Pengumuman peruntukan Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan untuk modal kerja dan sektor perkhidmatan (RM7 bilion), latihan, geran dan pinjaman mudah PKS di bawah SME Corp (RM200 juta) serta pelbagai pembiayaan mikro diyakini akan menggalakkan perniagaan yang lebih besar di kalangan usahawan dan seterusnya bersaing dengan sihat dalam pasaran Kerajaan Persekutuan.

PKS sebagai penyumbang lebih satu pertiga daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bernilai RM1.2 trilion serta mewakili 98.5 peratus daripada pertumbuhan perniagaan di Malaysia, sewajarnya Sistem ePerolehan Baharu akan menjadi medium terbaiknya yang membolehkan industri tersebut memperkasakan usaha negara terhadap ekonomi digital.

Secara keseluruhan, CDC mengharapkan Bajet 2018 akan menyokong peningkatan transaksi ePerolehan Baharu apabila Kerajaan menawarkan peruntukan mengurus yang tinggi sebanyak RM33.62 bilion untuk perkhidmatan dan bekalan.

About Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDC)

Established in June 1999 with a paid-up capital of RM40 million, CDC was incorporated for the fundamental purpose to develop and operate an electronic procurement system for the Government of Malaysia.

This initiative was undertaken with the intention to steer the nation's commerce into the forefront of the digital economy. CDC operates 16 ePerolehan Centres at all major cities in the country.

For further information, please visit www.commercedc.com.my For media inquiries, please contact *Noor Baizura Saliza Dolah Moksini* at **03-7985 5365** (noorbaizura@commercedc.com.my)

intrapreneurial . Committed . Doing Right . Collaborate

Innovations in
Public Commerce

www.commercedc.com.my



Copyright © 2014 commercedotcom sdn bhd